

# PM: Hudud Kelantan undang-undang Pas

UM 20 SEP 2003

KUALA LUMPUR 19 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan undang-undang hudud di Kelantan bukan undang-undang Allah tetapi undang-undang Pas yang diperkenalkan bagi tujuan meraih sokongan daripada orang ramai.

Perdana Menteri berkata, undang-undang Allah tidak boleh dipinda tetapi undang-undang hudud Pas sentiasa berubah-ubah apabila ia tidak disukai oleh orang ramai.

Sambil mengambil contoh undang-undang hudud yang diperkenalkan oleh Pas yang membenarkan perbuatan suami meliwat isteri, beliau berkata, parti itu sering membuat pindaan-pindaan termasuk kemungkinan meminda undang-undang berhubung perbuatan meliwat itu.

“Ini jelas menunjukkan hudud Pas bukan undang-undang Tuhan tetapi undang-undang sebuah parti politik yang ingin mencari sokongan bagi diri mereka sendiri,” tegasnya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini.

Fasal 14 dan 16 dalam Enakmen Jenayah Syariah Terengganu dan Kanun Jenayah Syariah II Kelantan tidak menganggap perbuatan meliwat isteri sebagai satu kesalahan.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan Zaid Ibrahim dalam kenyataannya baru-baru ini mendakwa para pemimpin Pas bukan sahaja tidak menghormati undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan tetapi juga menghalalkan yang haram.

## Kesalahan

Katanya, fasal dalam kedua-dua enakmen itu jelas menyatakan liwat bukan kesalahan jika dilakukan terhadap isteri, sesuatu yang jelas bertentangan dengan Kanun Keseksaan dan hukum agama.

Bagaimanapun Ketua Dewan Ulama Pas Datuk Harun Taib menjelaskan bahawa perbuatan suami meliwat isteri tetap menjadi kesalahan dan pesalah akan dihukum mengikut hukum takzir walaupun terlepas daripada hukum hudud.

Katanya, hukum hudud tidak boleh dikenakan ke atas suami atas perbuatan tersebut.

Dr. Mahathir berkata, isu itu turut dibincangkan dalam mesyuarat MT hari ini.

Menurut beliau, Pas akan bertindak meminda sesuatu undang-undang apabila ia didapati tidak disukai oleh orang ramai sedangkan undang-undang Allah tidak boleh dipinda.

“Kerana itulah kenyataan UMNO bahawa hudud Pas bukan hudud Allah benar. Ia bukan sahaja pendapat UMNO tetapi ramai orang lain berpandangan sama,” kata beliau.

Mengenai tindakan Pas terus mempertikai keikhlasan beliau untuk bersara bulan depan, Dr. Mahathir berkata, Pas tidak pernah bersetuju dengan kenyataan orang lain.